



**KENYATAAN MEDIA
KERAJAAN NEGERI PERLIS**

PELANTIKAN MENTERI BESAR PERLIS KE-8

Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Negeri Perlis adalah dengan ini dimaklumkan bahawa YAB Tuan Mohd Shukri Bin Ramli, Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis bagi N.15 Sanglang telah diberi perkenan untuk dilantik sebagai Menteri Besar Perlis Ke-8. Pelantikan ini adalah selaras dengan Perkara 37 dan Perkara 39 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis.

YAB Tuan Mohd Shukri Bin Ramli dilahirkan pada 6 Februari 1961 dan merupakan anak jati Perlis. Beliau telah berkahwin dengan YABhg. Puan Najwa Binti Othman serta telah dikurniakan dengan enam orang anak. Beliau berkelulusan Diploma Perguruan dari Institut Perguruan Rajang, Sarawak dan memulakan kerjayanya sebagai guru di Sekolah Kebangsaan (SK) Beraya, Miri dan kemudian berpindah SK Pulo, Kuching, Sarawak. Jawatan terakhir beliau adalah Penolong Kanan Kokurikulum sebelum menamatkan perkhidmatannya di SK Sungai Baru, Perlis. Selain itu, YAB Tuan Mohd Shukri Bin Ramli juga merupakan Pesuruhjaya PAS Negeri Perlis.

Sehubungan itu, satu Majlis Istiadat Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan Menteri Besar Perlis telah diadakan di Istana Arau, Perlis pada hari ini, 22 November 2022. Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis mengucapkan tahniah kepada YAB Tuan Mohd Shukri Bin Ramli kerana telah dilantik sebagai Menteri Besar Perlis Ke-8.

YB Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
22 November 2022